



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 4 NOVEMBER 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	KPKM BERI KERJASAMA SIASATAN TERHADAP NAFAS, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE KARTEL BAJA: DUA BEKAS PENGURUS DIREMAN, NASIONAL, SH -15	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
3. 4. 5. 6.	UNDANG-UNDANG AKAN DIPINDA UNTUK BENDUNG PENCEROBOHAN NELAYAN ASING, MEDIA MADANI -ONLINE NELAYAN LAUT BERKURANG DI 7 NEGERI, DALAM NEGERI, UM -12 PLAYERS IN FISHERIES SECTOR REELING IT IN, NATION, THE STAR -10 'TURTLE MAN' TURNS THE TIDE, NATION, THE STAR -15	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
7.	TEGURAN LPP ISU KETIDAKHARMONIAN TIDAK DIENDAHKAN, NASIONAL, BH -5	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
8. 9. 10. 11. 12.	BEKALAN BAJA TIDAK TERJEJAS, NASIONAL, SH -15 STRUKTUR SEMULA NAFAS DEMI KEPENTINGAN PETANI, NASIONAL, SH -15 2 BEKAS PENGURUS BESAR DIREMAN KES KARTEL BAJA RM60 JUTA, NEGARA, KOSMO -3 AKMAL CALLS FOR RCI TO PROBE LOSSES BY NAFAS, FASHIONVALET, NATION, NST -3 NAFAS PERLU MODEL, STRATEGI BAHARU -PESAWAH, DALAM NEGERI, UM -4	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
13.	AGRICULTURE SECTOR NEEDS COMPETITION TO THRIVE, NATION, THE STAR -4	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/11/2024	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

KPKM beri kerjasama siasatan terhadap Nafas



Mohamad Sabu

KUALA LUMPUR – Kementerian Pertanian dan Keterjamin Makanan (KPKM) memberi jaminan akan memberi kerjasama penuh kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk melengkapkan siasatan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas).

“Bang Mat mengalu-alukan siasatan oleh SPRM yang kini dijalankan ke atas Nafas dan memberi jaminan KPKM akan memberi sepenuh kerjasama kepada pihak SPRM,” kata menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu dalam satu hantaran di Facebook hari ini.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, siasatan SPRM terhadap Nafas berhubung dakwaan penglibatan kartel dalam pengedaran dan pembekalan kontrak baja padi perlu diserahkan kepada badan siasatan tersebut.

Anwar yang juga Menteri Kewangan dipetik berkata, pihak berkuasa mempunyai hak untuk menjalankan siasatan terhadap mana-mana agensi kerajaan.

Jumaat lalu, Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Amir Matami memaklumkan, Perlembagaan Nafas digantung bagi menambah baik tata kelola dan tadbir urus pertubuhan itu.

Katanya, selaku Pendaftar Pertubuhan Peladang, beliau mengeluarkan arahan itu di bawah Seksyen 20 (1) Akta Pertubuhan Peladang 1973 (Akta 109), susulan konflik dalaman dan ketidakharmonian yang telah menjejaskan operasi dan fungsi Nafas. – MalaysiaGazette

PeSAWAH saran lantik teknokrat, ahli akademik dalam AJP Nafas

Oleh ROSLINDA HASHIM
ALOR SETAR

Pembekalan baja kepada pesawah tidak terjejas meskipun perlembagaan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) digantung berkuat kuasa Jumaat bagi menambah baik tatakelola dan tadbir urus pertubuhan itu.

Pengerusi Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH), Abdul Rashid Yob berkata, ini kerana bekalan baja sudah diterima oleh Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) masing-masing dan kini sedang diedarkan mengikut kawasan.

Menurutnya, penggantungan tersebut tidak memberi sebarang kesan kepada agihan baja berikutan Surat Setuju Terima (SST) sudah ditanandatangani baru-baru ini.

"Syukur kemelut tersebut tidak jejas dari segi pembekalan, cuma dari sudut punca kuasa Anggota

Jemaah Pengarah (AJP) Nafas sahaja yang terkesan.

"Sebelum ini, AJP Nafas pernah digantung tugas namun ia tidak menimbulkan masalah kerana akan diambil alih oleh pengurusan Nafas dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) sebagai Pendaftar Pertubuhan Peladang," katanya.

Pada Jumaat, Ketua Pengarah LPP, Amir Matamin memaklumkan, perlembagaan Nafas digantung berkuat kuasa Jumaat bagi menambah baik tatakelola dan tadbir urus pertubuhan itu.

Mengulas lanjut, Abdul Rashid menyarankan agar melantik golongan profesional, teknokrat dan ahli akademik untuk membantu memulihkan Nafas.

"Kita tidak mahu orang politik



ABDUL RASHID

atau individu yang ada kepentingan tertentu dalam pengurusan Nafas. Kita mahu gabungan profesional, akademik dan teknokrat untuk lakukan perubahan.

"Kali ini kita mahu membuat pembaharuan sebenar-benarnya dalam keseluruhan sistem," ujarnya.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebelum ini mendedahkan kewujudan dan kartel pengagihan dan perbekalan kontrak baja padi di sebuah pertubuhan di bawah kawalan sebuah kementerian dianggarkan bernilai RM1.8 bilion.

SPRM memulakan siasatan selepas beberapa siri pembongkaran di ibu pejabat pertubuhan, kementerian dan sembilan syarikat berkaitan.

Bekalan baja tidak terjejas

Kartel baja: Dua bekas pengurus direman

PUTRAJAYA - Dua bekas pengurus besar sebuah pertubuhan badan awam ditahan pada Sabtu susulan siasatan salah guna kuasa membabitkan kartel perolehan baja bernilai kira-kira RM160 juta.

Kedua-dua suspek berumur 50 dan 60-an itu ditahan kira-kira jam 8:30 malam ketika hadir di Ibu Pejabat SPRM untuk dirakam keterangan.

SPRM menerusi kenyataan memaklumkan dua suspek lelaki itu kemudian dibawa untuk permohonan reman di Mahkamah Majistret Putrajaya.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya ketika dihubungi mengesahkan tangkapan terkini terhadap kedua-dua suspek.

Katanya, kedua-dua suspek disiasat di bawah Seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009.

Sementara itu, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sedia memberikan kerjasama penuh kepada SPRM untuk melengkapkan siasatan ke atas Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas).

Menyerinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, beliau mengalu-alukan proses siasatan yang kini dijalankan terhadap pertubuhan tersebut.

"Bang Mat mengalu-alukan siasatan oleh SPRM yang kini dijalankan ke atas Nafas dan memberi jaminan an KPKM akan memberi sepenuh kerjasama kepada pihak badan berkuasa tersebut untuk melengkapkan siasatan mereka," katanya dalam hantaran di Facebook pada Ahad.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/11/2024	MEDIA MADANI	ONLINE	

Undang-undang akan dipinda untuk bendung pencerobohan nelayan asing



Kerajaan sedang merancang untuk meminda undang-undang bagi membendung pencerobohan kapal nelayan asing di perairan negara.

Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Adnan Hussain berkata, pencerobohan nelayan asing merupakan ancaman serius yang bukan sahaja menjejaskan kelestarian sumber daya

perikanan tetapi juga menjejaskan mata pencarian nelayan tempatan serta mendatangkan kerugian kepada pendapatan negara.

“Kita mengambil perhatian terhadap aktiviti penangkapan ikan yang tidak sah, tidak dilaporkan dan tidak terkawal (IUU) termasuk aktiviti pencerobohan nelayan asing di perairan negara.

“Jabatan Perikanan sedang berusaha untuk meminda Akta Perikanan 1985 dengan mengenakan denda yang lebih berat. Undang-undang yang dipinda juga boleh mengawal nelayan tempatan daripada sebarang salah laku yang boleh beri tekanan kepada nelayan tradisi,” ujarnya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan majlis sambutan Hari Perikanan Sedunia (HPS) 2024 di Anjung Floria , Putrajaya pada Sabtu.

Sementara itu tambahnya, aktiviti pencerobohan nelayan asing menunjukkan sedikit pengurangan, namun masih berlaku khususnya di perairan Laut China Selatan, Terengganu, Kelantan, Pahang, Selat Melaka, dan di bahagian Sabah dan Sarawak.

Justeru Kementerian Pertanian melalui Jabatan Perikanan jelasnya sentiasa bekerjasama bersama agensi-agensi penguatkuasaan maritim yang lain termasuk bersama pihak Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Polis Marin, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Wisma Putra dan Majlis Keselamatan Negara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/11/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	12

Nelayan laut berkurang di 7 negeri

Oleh **AMREE AHMAD**
 utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Bilangan nelayan laut di seluruh Malaysia didapati semakin kurang sepanjang tahun lalu dengan tujuh negeri mencatatkan kemerosotan.

Labuan turut mencatatkan penurunan nelayan seramai 76 orang apabila nelayan di pulau berkenaan tahun lepas cuma tinggal 400 orang.

Menurut Laporan Perikanan oleh Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), secara keseluruhannya agensi tersebut merekodkan sejumlah 112,344 orang nelayan laut tahun lalu berbanding 116,613 orang pada 2022.

"Hanya enam negeri menunjukkan pertambahan dengan Sabah paling ketara iaitu 31,300 orang sepanjang 2023 apabila melonjak 407 orang ketimbang 2022," jelasnya. Ia diikuti Pahang dengan 7,815 orang, naik 206; Johor (10,228, tambah 193); Melaka (997, tambah 61); Pulau Pinang (5,312, tambah 40); dan Negeri Sembilan (480, tambah 13).

Menurut laporan itu, Kelantan didapati mencatatkan kemerosotan terbesar bilangan nelayan tahun lepas dengan tinggal cuma 3,403 orang, iaitu defisit 1,800 orang berbanding



JUMLAH nelayan laut di seluruh negara direkodkan semakin berkurangan pada tahun lalu, terutamanya di tujuh negeri. - UTUSAN/PUOTRA HAIRRY

2022. Ia disusuli Perak 18,217 orang (merosot 1,407); Selangor (6,620, kurang 1,050); Perlis (1,413, kurang 421); Terengganu (8,311, kurang 215); dan Sarawak (10,239, kurang 158).
 Kedah menurut laporan itu, 2023 itu, bilangan nelayan laut pantai iaitu jarak kurang 30 batu nautika merekodkan seramai 102,746 orang atau 91.5 peratus daripada keseluruhan.

"Baki berikutnya iaitu 9,598 nelayan pula didaftarkan bertutugas untuk bot laut dalam yang

meliputi lebih 30 batu nautika selinggalah perairan antara-bangsa," jelasnya.

Angka berkenaan jelasnya, turut menunjukkan kemerosotan ketimbang 2022 yang telah mencatatkan seramai 104,297 nelayan laut pantai manakala 12,316 nelayan laut dalam.

Sementara itu, nelayan perikanan darat yang menangkap ikan tanpa penggunaan vesel berjumlah 11,437 orang pada 2023, melonjak 288 orang daripada tahun sebelumnya.

Begitu juga jumlah penternak industri akuakultur di seluruh negara pula seramai 20,963 orang sepanjang tahun lalu menokok berbanding 20,925 orang pada 2022.

Jika dilihat penternak dari segi pecahan sektor tahun lepas, ia membabitkan 16,062 orang untuk air tawar diikuti 3,610 orang untuk air payau dan 1,291 orang untuk rawai rumpai.

Data itu menunjukkan peningkatan penternak dibandingkan 2022 iaitu 15,948 untuk air tawar dan 3,423 orang untuk air payau kecuali sektor rawai rumpai dengan 1,554 orang.

Penternak ikan hiasan bukan makanan turut mencatatkan kejatuhan daripada seramai 926 orang sepanjang 2022 kepada hanya 835 orang tahun lepas.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/11/2024	THE STAR	NATION	10

Players in fisheries sector reeling it in

PUTRAJAYA: Entrepreneurs in the fisheries sector under the MyAgropreneur „ Perikanan (myAP) programme have achieved average annual sales totalling nearly RM63mil from 2021 to the present.

The Fisheries Department said its statistics indicate an average increase in the small and medium enterprise (SME) output of entrepreneurs involved in myAP.

“This programme aims to strengthen the position of SMEs in the fisheries sector through various support and capacity-building efforts.

“The myAP entrepreneurs have shown significant growth, achieving an annual sales value of RM62.69mil across 230 myAP participants,” it said in a statement yesterday, reported Bernama.

According to the department, the myKomuniti Perikanan (myKP) programme, involving 246 participants with 6,522 members, has successfully generated annual income of RM28.9mil.

This “reflects the effectiveness of fisheries entrepreneurship programmes in enhancing productivity and competitiveness among local entrepreneurs.

“The department remains committed to supporting the development of this sector through various programmes and initiatives under the 13th Malaysia Plan,” it added.

'Turtle Man' turns the tide

Activist transforms egg eaters into endangered species' protectors

By SANDRA SOKIAL
newsdesk@thestar.com.my

KOTA KINABALU: After years of teaching the Kampung Pulau Libaran community about the importance of a clean beach, there have been increased sightings of turtles laying eggs along its shore.

The educational efforts extended beyond a clean beach, as Friends of Sea Turtles Education and Research (Foster) president Alexander Yee successfully convinced villagers of the negative impact of consuming turtle eggs.

Over a decade ago, adults and children were often seen heading to the beach with plastic bags in hand, searching for freshly laid turtle eggs, unaware that this practice was illegal.

Possession or consuming turtle eggs is an offence under the Sabah Wildlife Conservation Enactment 1997, punishable by a maximum fine of RM50,000, two years' imprisonment, or both, upon conviction.

Exactly 10 years ago, Yee began his mission to protect turtles by educating villagers about the consequences of their actions and encouraging them to protect the endangered species instead.

He established a turtle hatchery about an hour's walk from the village and helped residents benefit from his Yee's Walai Penyu resort, which provides jobs and attracts customers who buy food, beverages, and handicrafts from the local community.

Over time, his efforts transformed the village's litter-strewn beach into a clean, pristine stretch.

Villagers even began decorating their homes by repurposing waste materials, such as plastic bottles, into colourful decorations.

At the recent 10th Annual Community Beach Cleaning Programme on Libaran Island, Yee celebrated their progress, noting that since Foster's inception, they have successfully released 43,826 baby turtles into the sea.

The 650-acre (263ha) Libaran Island lies about a 45-minute boat



Turtle-y awesome: Yee's (left) efforts transformed the Kampung Pulau Libaran's litter-strewn beaches into clean, pristine stretches, encouraging turtles to lay eggs along the shore.

ride north of Sandakan and about 10 nautical miles from Selingan Island, one of three islands in the Turtle Islands Park managed by Sabah Parks. The other two islands are Gulisan and Bakungan Kechil.

Two turtle species – green and hawksbill – are unique to this park.

Libaran Island's proximity to other turtle islands may explain why female turtles choose it as a nesting site.

"The beach cleaning effort not only aims to maintain the island's pristine coastline but also supports Foster's bigger mission of protecting the endangered sea turtle species that nest on Libaran Island.

"We encourage everyone who cares about marine conservation to continue supporting our initiatives. Every effort contributes not only to the welfare of the turtles but also to the well-being of the local community, who actively volunteer to keep the beach

clean," said Yee.

The initiative aims to keep clean the section of beach where turtles land, facilitating their return to shore to lay eggs.

"Having a clean beach also means a healthier and more hygienic environment for the turtles," said Yee, whose passion for protecting the species has earned him the nickname "Turtle Man."

He said Foster seeks annual cooperation from like-minded organisations, targeting a 1km stretch of beach for clean-up and engaging around 380 villagers from about 80 houses to participate twice daily – in the mornings and late evenings.

This time around, the initiative was made possible through collaboration with Sabah Ports Sdn Bhd and the Sabah Tourism Board, which came forward as main sponsors.

"This ritual is carried out 365 days a year. We believe that if you want a clean beach, you need to clean it more often. If a larger

area needs attention, Foster ensures the sea turtle landing path remains undisturbed," said Yee.

"The programme is a testament to the dedication and cooperation of all parties involved in conserving Libaran Island's environment and its vital role in sea turtle conservation," he added.

However, challenges remain as Foster continues to address issues such as the illegal harvesting of turtle eggs by villagers, he said.

Yee said while most villagers share his commitment, there were some who did not.

"One landowner has even restricted our team from patrolling the beach in front of his property, which affects our conservation efforts.

"We appreciate the involvement of the Sabah Wildlife Department in addressing this matter, and we are hopeful that a solution can be reached to safeguard our ongoing work," he added.

Struktur semula NAFAS demi kepentingan petani

Alor Setar: Persatuan pesawah menuntut supaya Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) disstruktur semula bagi menjaga kepentingan petani dan peladang yang menjadi tulang kepada ke-terjaminan makanan negara.

Pengerusi Pertubuhan Persa-daraan Pesawah Malaysia (PeSA-WAH), Abdul Rashid Yob, berkata pendafatar NAFAS iaitu Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) perlu menilai semula rangkaian da-lam industri itu.

Katanya, suatu model baharu pengagihan dan pembekalan baja juga perlu dilaksanakan bagi mem-beri keadilan kepada pesawah ke-rana 55 peratus keuntungan NA-FAS sebelum ini dari urusan baja padi.

"Kita harap ada model baharu yang memberi manfaat kepada ahli peladang kerana selama ini dividen atau keuntungan NAFAS tidak sampai menyeluruh kepada ahli.

"Maksudnya sekiranya NA-FAS untung, dividen dibayar ke-pada Pertubuhan Peladang Ne-gari, bukan kepada peladang atau pesawah. Yang kami dapat hanya baja subsidi saja," kata-nya, semalam.

"Tindakan SPRM ini dapat memberi ruang kepada NAFAS untuk beroperasi tanpa gang-guan mana-mana pihak," kata-nya.

Syora Tabuni RAJ

Sementara itu, Pemuda UMNO mengesyorkan penubuhan Suru-hanjaya Siasatan Diraja (RCI) ba-



Lembaga Pertubuhan Peladang perlu menilai semula rangkaian dalam industri demi kepentingan pesawah. (foto biasaan)

gi menyiasat isu didakwa wujud ketirisan membabitkan Fashion-Valet Sdn Bhd (FashionValet) dan NAFAS.

Keruananya, Datuk Dr Muhammad Akmal Saleh, berkata siasatan telus perlu dilakukan dan pene-muannya dibentangkan kepada awam supaya menjadi pengaja-ran.

"Untung rugi syarikat perkara biasa tetapi jika dana itu datang-nya dari dana awam, satu sia-nya yang telus perlu dilakukan dan dibentangkan kepada awam juga supaya dapat menjadi pe-ngajaran pada masa akan da-tang.

"Kami cadangkan supaya Su-ruhanjaya Siasatan Diraja ditu-buhkan untuk menyiasat dua perkara yang menjadi polemik negara ini," katanya di Facebook semalam.

Beltau juga menyatakan peng-hargaan atas pendirian tegas Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berhubung dua isu ini, khususnya gesaan supaya siasatan dilakukan SPRM.

"Tidak kira FashionValet ataupun NAFAS, jika ada salah laku yang wujud jangan biarkan waima seorang pun terlepas dari karek yang menelan duit rakyat ini," katanya.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, ber-kata beliau tidak akan masuk campur dalam siasatan berkema-an dan sesiapa sahaja yang ada salah laku perlu diambil tinda-kan.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, sebelum ini di-laporkan berkata, pihaknya su-dah memulakan siasatan berhu-bung keraguan pelaburan berpu-miliah RM43.9 juta yang dialami Khazanah dan Permodalan Na-sional Berhad (PNB) dalam Fas-hionValet.

Sebelum in, Permodalan Na-sional Berhad (PNB) dan Kha-zanah juga perlu memberi penjelasan berhubung keraguan pelaburan berjumlah RM43.9 juta yang dialami dua syarikat pe-laburan berkaitan kerajaan (GLIC) itu dalam FashionValet.

Teguran LPP isu ketidakharmonian tidak diendahkan

Alor Setar: Isu ketidakharmoni-an dalam Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) pernah di-tegur oleh Lembaga Pertubuhan Peladang sebelum perlembaga-annya digantung berkuat kuasa Jumaat lalu.

Tanpa mempertincikan apakah bentuk teguran itu, Pengerusi LPP Datuk Mahfiz Omar ber-kata malah, Ketua Pengarah LPP, Amir Matamin, juga sudah mem-buat beberapa kali teguran, te-tapi tidak diendahkan sebelum keputusan pengantungan Per-lembagaan NAFAS dilakukan.

"Benda ini (isu) sudah berlaku lama, sudah berapa tahun, ada teguran dan sebagainya dan saya dahamkan ada sampai ke pe-tingkat menimbulkan ugutan da-ripada pihak mereka.

"Jadi, Ketua Pengarah sebagai Pendafatar kena bertindak, tidak timbul dia tidak tegur, dia sudah memberi peringatan sebelum itu, saya tak ingat beberapa kali tapi yang terakhir memang ada te-guran apabila mereka bertindak sesuka hati tanpa rujuk kepada pendafatar," katanya ketika dihu-bungi semalam.

Beltau mengulas dakwaan Ahli-Jemaah Pengarah NAFAS yang menyifatkan pengantungan perlembagaan dengan alasan konflik dalaman dan ketidakhar-monian sebagai "siasatan".

Benda ini (isu) sudah berlaku lama, sudah berapa tahun, ada teguran dan sebagainya dan saya dahamkan ada sampai ke peringkat menimbulkan ugutan daripada pihak mereka

Mahfiz Omar, Pengerusi LPP



monian sebagai alasan lemah dan sepatutnya berunding terlebih dahulu sebelum keputusan dibuat.

Mengulas lanjut Mahfiz ber-kata pihaknya berharap Ahli Lembaga Pengarah berkenaan bersabar berikutan mereka ha-nya digantung tugas dan bukan dipecat.

Katanya, individu terbabit di-jangka boleh kembali dalam NA-FAS selepas pentadbir kembali 'mengharmonikan' dan 'melu-ruskan' pengurusan NAFAS.

"Mereka cuma digantung, ja-ngan ada kekhilangan apa-apa yang penting mereka terus ber-hubungan dengan pendafatar, tiada masalah pun untuk itu.

"Dulu perlembagaan NAFAS pernah digantung (1 Jun 2018) zaman Datuk Salahuddin Ayub sebagai Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani dalam tempoh yang beberapa lama, jadi tak tim-bul benda ini tergesa-gesa dan tak pernah berlaku dan sebagai-nya, ia pernah berlaku.

"NAFAS akan beroperasi se-perti biasa dan saya harap Ahli Lembaga Pengarah yang digan-tung bersabar," katanya.

Arahan pengantungan itu di-keuarkan mengikut Seksyen 20(C) Akta Pertubuhan Peladang 1973 (Akta 109).

2 bekas pengurus besar direman kes kartel baja RM60 juta


PUTRAJAYA – Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan reman dua bekas pengurus besar sebuah pertubuhan badan awam susulan siasatan salah guna kuasa membabitkan kartel perolehan baja bernilai kira-kira RM60 juta.

Pendaftar Mahkamah Majistret Putrajaya, Syahrul Sazly Md. Sani membenarkan kedua-dua suspek lelaki berusia lingkungan 50 hingga 60-an itu direman selama tiga dan empat hari iaitu sehingga 5 November serta 6 November ini.

Menurut sumber, kedua-dua suspek ditahan sekitar pukul 8.30 malam kelmarin, ketika hadir di Ibu Pejabat SPRM di sini bagi dirakamkan keterangan.

"Kedua-dua suspek ditahan bagi membantu siasatan terhadap kartel perolehan baja membabitkan sebuah pertubuhan badan awam yang dipercayai mempunyai unsur rasuah dan salah guna kuasa," katanya di sini semalam.

Sementara itu, Timbalan



KEDUA-DUA suspek ketika dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya bagi permohonan reman semalam.

Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya ketika dihubungi mengesahkan tangkapan terha-

dap kedua-dua suspek.

"Kedua-dua suspek disiasat di bawah Seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009," ujarnya.

Untuk rekod, sehingga semalam seramai lima individu ditahan antaranya pengerusi syarikat warga asing dan seorang

eksekutif pemasaran syarikat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebelum ini menegaskan, siasatan terhadap Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) berhubung dakwaan penglibatan kartel dalam pengedaran dan pembekalan kontrak baja padi perlu diserahkan kepada SPRM.

Anwar yang juga Menteri Kewangan dipetik berkata, pihak berkuasa mempunyai hak untuk menjalankan siasatan terhadap mana-mana agensi kerajaan.

Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Amir Matamin pada 1 November lalu memaklumkan, Perlembagaan Nafas digantung bagi menambah baik tatakelola dan tadbir urus pertubuhan itu.

Katanya, selaku Pendaftar Pertubuhan Peladang, beliau mengeluarkan arahan itu di bawah Seksyen 20 (1) Akta Pertubuhan Peladang 1973 (Akta 109), susulan konflik dalaman dan ketidakharmonian yang telah menjejaskan operasi dan fungsi Nafas.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/11/2024	NST	NATION	3

'LESSON FOR FUTURE'

Akmal calls for RCI to probe losses by Nafas, FashionValet

KUALA LUMPUR: Umno Youth chief Datuk Dr Muhammad Akmal Saleh has proposed the establishment of a Royal Commission of Inquiry to investigate FashionValet (FV) Sdn Bhd and the National Farmers' Organisation (Nafas).

In a Facebook post, he said while financial fluctuations were normal in businesses, issues that involve public funds require a thorough and transparent investigation.

"Profits and losses are normal for in companies, but if the funds came from public resources, a transparent investigation must be conducted and presented as a lesson for the future.

"Therefore, we propose that a Royal Commission of Inquiry be set up to investigate two matters that have become a national controversy," he wrote.

On Oct 29, the Finance Ministry

revealed in the Dewan Rakyat that Khazanah Nasional Bhd and Permodalan Nasional Bhd had lost RM43.9 million from the sale of their minority stakes in FV.

In 2018, Khazanah and PNB invested RM27 million and RM20 million, respectively, for minority stakes in FV. The stakes were sold recently for just RM3.1 million.

On Nov 1, the Farmers' Organisation Authority suspended Nafas' constitution.

On Saturday, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim said he would leave it to the authorities to investigate if there was any case involving Khazanah.

He said he would not prevent an investigation into the company, adding that the investigation into Nafas should also be left to the Malaysian Anti-Corruption Commission.



Datuk Dr Muhammad Akmal Saleh

Nafas perlu model, strategi baharu - PESAWAH

Oleh **MUHAMAD AIMY AHMAD**
utusannews@mediamulla.com.my

ALOR SETAR: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sepatutnya sudah lama melakukan penyiasatan dalam industri padi dan beras kerana keuntungan besar tanaman itu adalah hasil pembekalan baja.

Pengerusi Pertubuhan Persewahan Pesawah Malaysia (PeSAWAH), Abdul Rashid Yob berkata, siasatan itu diharapkan dapat membuka ruang baharu supaya institusi peladang dapat dikembalikan ke tahap kecemerlangan selain menjaga kepentingan ahli-ahli peladang.

Menurut beliau, penstrukturan semula Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) bagi memastikan kepentingan petani dan peladang yang menjadi tulang keterjaminan makanan negara terpelihara juga perlu dilakukan.

"Kami menyokong usaha memartabatkan integriti di institusi yang sepatutnya menjadi



ABDUL RASHID YOB minta jangan label Nafas sebagai kartel tetapi agensi itu perlu model baharu untuk menjaga peladang dan pesawah.

payung kepada ahli peladang termasuk pesawah.

"Namun diharapkan orang ramai tidak melabel Nafas sebagai kartel kerana asas pertubuhan itu dibentuk daripada kepentingan sejuta ahli peladang. Ia memberi manfaat bu-

kan kepada individu tetapi atas kepentingan ramai," katanya di sini semalam.

SPRM mendedahkan wujud kartel dalam pengagihan dan perbekalan kontrak baja padi di sebuah pertubuhan yang dianggar bernilai RM1.8 billion.

Menurut Abdul Rashid, tindakan diambil SPRM itu dapat memberi ruang kepada Nafas untuk beroperasi tanpa gangguan mana-mana pihak.

Ujarnya, semua Anggota Jemaah Pengarah (AJP) Nafas perlu digantung tugas bagi membolehkan siasatan dilakukan tanpa konflik kepentingan.

"Jika tidak dijaga dengan baik, dipandu pula orang yang ada kepentingan, maka memang akan lingkup institusi peladang yang menjadi kekuatan kepada peladang," katanya.

Beliau turut mencadangkan satu model baharu pengagihan dan pembekalan baja juga perlu dilaksanakan bagi memberi keadilan kepada pesawah kerana 95 peratus keuntungan Nafas sebelum ini daripada hasil baja.

"PeSAWAH mengharapkan agar ada model baharu yang memberi manfaat kepada ahli kerana selama ini dividen atau keuntungan Nafas tidak diraisi secara menyeluruh kepada mereka," kata beliau.

Agriculture sector needs competition to thrive

By ARFA YUNUS
arfayunus@thestar.com.my

PETALING JAYA: Monopolies in agriculture, particularly in rice production, must be dismantled for the sector to grow, says a food security expert following recent government action in suspending a key farmer's association.

Datin Prof Fatimah Mohamed Arshad of Universiti Putra Malaysia (UPM) stressed the importance of opening the industry to competition to promote growth and innovation.

Currently, the supply of fertiliser is controlled by one national entity that distributes it to regional and state farmers' groups, said Prof Fatimah, who is Fellow Consultant at UPM's Laboratory of Agricultural and Food Policy Studies.

This stifles the growth of the padi industry by allowing a single body to dominate the supply of a key farming input, leaving no room for others to offer competitive prices, she added.

"Clearly, monopolistic structures and procurement through direct negotiation were responsible for the so-called 'cartel' behaviour or malpractices in the ecosystem," she said.

Prof Fatimah said a notable effect of the monopoly was the direct negotiation of fertiliser contracts valued at RM1.8bil from 2021 to 2023.

She explained that nine organisations were selected through direct negotiation to produce fertilisers, which raised concerns about possible unethical practices, such as awarding contracts to inactive companies and sourcing materials in questionable ways.

She suggested these allegations point to a potentially cartel-like environment, where limited competition may have allowed misconduct to occur.



Potential growth: Experts are calling for reform and innovation to enhance farmer welfare and productivity, ensuring a sustainable future for rice production.

These concerns go beyond distribution practices alone as the fertiliser monopoly may have also contributed to poor agricultural outcomes.

For example, she said a report by the Auditor General in 2019 indicated that fertiliser deliveries were delayed by as much as 220 days, which caused significant disruptions in crop yield.

Despite the issues, the fertiliser supply system has operated without substantial reform for over five decades, she added.

The monopoly also means that since the 1980s, only one type of fertiliser has been used instead of a variety.

This oversight has resulted in substantial financial losses for the industry and contributed to declining yields.

Prof Fatimah pointed out that the government has spent nearly RM40bil on agricultural subsidies since 1980, yet yields have dropped from four tonnes per

hectare in 2009 to 3.5 tonnes in 2023.

Another issue with the current system is that it focuses on developing subsidiary companies rather than supporting farmers.

"If the system was more about enhancing farmers' productivity and welfare, many of the issues plaguing the industry would have been avoided.

"The monopolistic control created a rigid supply chain that stifles innovation and discourages the entry of new players, especially young entrepreneurs," she said.

In contrast, Taiwan and South Korea serve as examples of countries where farmers' organisations focus on farmer welfare and productivity, contributing to a more resilient agricultural sector.

"Government-driven interventions are only needed in the early stages of industry development. Once the industry is established, the market must be open for com-

petition to allow growth and innovation.

"The government should allow private sector involvement, including individuals, young entrepreneurs, or cooperatives, to participate," said Prof Fatimah.

She suggested encouraging start-ups that can enhance the supply chain, with services such as online input purchasing, e-credit, and advisory services.

Another food security expert, Nurfitri Amir Muhammad, said complaints about monopolies have long been raised.

"What's happening now is that some parties want to dominate by engaging in malpractice that has been present for a long time," said the chief coordinator of the Malaysian Food Security and Sovereignty Forum.

"The question is whether current political appointees will simply be replaced with a fresh round of political appointments. This would be just more of the same."